

Kem Super Tahfiz Mega di empat lokasi bermula 27 November ini

PUTRAJAYA - Kem Super Tahfiz Mega anjuran kerjasama Persada Al Islah dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin akan berlangsung pada 27 November hingga 14 Disember 2017.

Program itu akan diadakan di empat lokasi iaitu di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin pada 27 November hingga 14 Disember, Masjid Universiti Putra Malaysia (27 November hingga 8 Disember), Masjid Sultan Abdul Samad, KLIA Sepang (27 November hingga 9 Disember) dan Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia (27 November

hingga 9 Disember).

Imam Muda Syed Faris, Imam Muda Asyraf, Ustaz Safuan Pamidi dan Ustaz Sahib Pamidi yang merupakan penterjemah kepada Syeikh terkenal Arab adalah antara penceramah jemputan yang dijangka hadir pada kem tersebut.

Pelbagai aktiviti diadakan seperti terapi rukyah untuk anak-anak yang degil atau malas dan air penawar bagi anak-anak bakal menghadapi peperiksaan dan konsep terapi fizikal dan rohani.